

SIARAN MEDIA

CONSERVATION IN ACTION: KONSERVASI KARYA SENI TERBUKA DI BALAI SENI NEGARA

27 FEBRUARI 2026 – Balai Seni Negara terus memperkukuh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi seni visual negara melalui pelaksanaan inisiatif *Conservation in Action*, iaitu satu pendekatan konservasi secara terbuka (*open conservation*) yang membolehkan pengunjung menyaksikan secara langsung proses kerja-kerja konservasi dijalankan di ruang galeri. Inisiatif ini berfungsi sebagai platform pendidikan awam yang bertujuan meningkatkan kefahaman terhadap kepentingan konservasi dalam memastikan kelestarian karya seni untuk jangka masa panjang.

Menerusi *Conservation in Action*, pengunjung berpeluang menelusuri proses teknikal yang terlibat dalam pemuliharaan karya, termasuk pemeriksaan kondisi serta langkah-langkah pencegahan bagi mengawal faktor persekitaran yang berpotensi menjejaskan keadaan fizikal karya. Pendekatan ini turut memperkasa fungsi Art Hospital yang berperanan dalam menjaga, merawat dan memelihara koleksi seni visual negara.

Sepanjang pelaksanaan inisiatif ini, Cawangan Konservasi akan menjalankan kerja-kerja cucian terhadap karya bertajuk *Imitation Master – Legacy*, BSN2025.006(H), oleh pelukis *Ali Nurazmal Yusoff* yang kini dipamerkan di Galeri 2A menerusi Pameran Perolehan TERKINI 2015–2025.

Kerja-kerja konservasi tersebut berlangsung bermula 24 Februari hingga 15 Mac 2026, dari jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula pada jam 2.30 petang hingga 4.00 petang sepanjang tempoh berkenaan.

Justeru, Balai Seni Negara menjemput orang ramai hadir menyaksikan proses ini serta menghargai kepentingan konservasi dalam memastikan karya seni terus terpelihara. Kemasukan adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut mengenai program atau pameran yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara, sila layari www.artgallery.gov.my atau ikuti saluran media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my